

08/02/2003

`Aman Malaysia pentas salam damai sejagat'

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) wajar menjadi pentas rakyat untuk menggesa masyarakat dunia memilih jalan damai bagi mencapai keamanan sejagat dengan menolak sama sekali andaian ia hanya dapat ditentukan menerusi peperangan saja.

Pengerusi Aman Malaysia, Datuk Seri Mohd Khir Toyo, berkata mesej keamanan yang akan disampaikan rakyat tempatan itu perlu dipastikan membawa kesan mendalam bagi mendorong masyarakat dunia menolak keganasan serta peperangan dan tidak terpengaruh dengan sikap berdendam semata-mata.

Katanya, dunia perlu sedar bahawa ia tidak perlu terus mengikut telunjuk kuasa besar seperti Amerika Syarikat yang cuba menghalalkan tindakannya untuk menyerang Iraq.

"Orang ramai perlu sedar Amerika Syarikat sendiri bersikap berat sebelah kerana masih berdolak-dalik bagi bertindak menyelesaikan isu Palestin tetapi pada masa yang sama ghairah mahu menyerang Iraq walaupun tidak mempunyai alasan munasabah untuk berbuat demikian.

"Justeru, dunia harus bersatu dalam usaha memastikan kuasa besar seperti Amerika Syarikat ini mencari rumusan penyelesaian secara damai," katanya selepas mempengerusikan perjumpaan Aman Malaysia dengan pertubuhan bukan kerajaan, di sini semalam.

Hadir sama Penyelaras Kumpulan Aman Malaysia, Zulkifli Alwi; Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga Setiausaha Perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia, Norizan Shariff.

Serentak dengan perhimpunan Aman Malaysia, Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia dimulakan di kalangan masyarakat bagi membolehkan mereka menurunkan tandatangan sebagai bukti sokongan terhadap usaha damai bagi mencapai keamanan.

Difahamkan, lebih 350,000 tandatangan sudah dikumpulkan setakat ini dan pelbagai pihak masih lagi meneruskan kempen berkenaan sehingga 15 Februari ini. Mereka yang memerlukan borang berkenaan boleh mendapatkannya di MBM atau membuat salinan daripada borang sedia ada.

Mohd Khir berkata, setakat ini, 1,050 NGO sudah memberi persetujuan untuk menyertai perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 23 Februari ini mulai jam 5 petang hingga 12 tengah malam yang akan diselaras oleh MBM.

Perhimpunan secara aman itu dijadualkan sempena Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) dari 20 hingga 25 Februari ini dan akan dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menyampaikan mesej keamanan.

Pada perhimpunan 23 Februari itu, kesemua sejuta tandatangan yang dikumpulkan akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebagai tanda sokongan rakyat Malaysia supaya isu keamanan sejagat dibincangkan dalam sidang kemuncak NAM.

Pada masa yang sama, semua hotel penginapan ketua kerajaan yang menghadiri sidang NAM akan dilengkapi dengan skrin televisyen yang menyiarkan perhimpunan berkenaan secara langsung.

Jumlah penyertaan dalam perhimpunan aman itu, yang dijangka mungkin mencecah 200,000 orang, adalah yang terbesar pernah dibuat dalam siri antipeperangan dalam isu serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan pembebasan rakyat Palestin.